

1094-KEFAHAMAN MASYARAKAT TERHADAP PINDAAN AKTA MAHKAMAH SYARIAH (BIDANG KUASA JENAYAH) 1965 (PINDAAN 1984) (AKTA 355): SATU KAJIAN DI GOMBAK, SELANGOR

**NURUL AISYAH JAMAL ANUAR
ZANARIAH DIMON**

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Selangor (UIS)

20bi01058@student.kuis.edu.my, zanariah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Akta 355 atau Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) ialah suatu akta yang memberi bidang kuasa kepada mahkamah syariah yang ditubuhkan di bawah undang-undang Negeri untuk membicarakan kesalahan-kesalahan syariah dan mengenakan hukuman setakat yang diperuntukkan dalam akta tersebut. Akta 355 ini telah mengalami beberapa pindaan pada tahun 1984 dan 1989. Perkara yang dipinda adalah berkaitan dengan bidang kuasa hukuman kesalahan jenayah syariah iaitu denda sebanyak RM5000 atau penjara selama tempoh tiga tahun atau sebatan enam kali. Pada tahun 2016, cadangan pindaan untuk menambahkan kadar hukuman tersebut telah diutarakan tetapi sehingga ke hari ini masih tiada pindaan yang berlaku. Masyarakat juga telah memberi maklum balas yang pelbagai mengenai pindaan tersebut. Maka kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kefahaman masyarakat Islam terhadap pindaan Rang Undang-undang 355. Kajian ini juga menganalisis hubungan antara demografi responden dengan tahap kefahaman terhadap pindaan Rang Undang-undang 355. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah melalui instrumen soal selidik dengan menggunakan Skala Likert lima mata (sangat setuju, setuju, tidak pasti, sangat tidak setuju, tidak setuju). Instrumen soal selidik telah diedarkan melalui aplikasi dalam talian secara Google Form kepada masyarakat Islam di daerah Gombak dengan kadar maklum balas sebanyak 53 orang. Data-data dianalisis dengan menggunakan bantuan perisian SPSS 25.0. Data dianalisis secara deskriptif dengan melibatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi menentukan tahap kefahaman responden. Kajian ini mendapati kedua-dua pembolehubah iaitu tahap kefahaman masyarakat mengenai bidang kuasa jenayah syariah dan tahap kefahaman masyarakat Islam terhadap pindaan Rang Undang-undang 355 adalah tinggi iaitu 3.82 dan 3.96. Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada data-data yang diperlukan bagi mempergiatkan usaha untuk meminda Akta tersebut demi memperkasakan bidang kuasa hukuman mahkamah syariah di Malaysia.

Kata kunci: *bidang kuasa jenayah, hukuman, mahkamah syariah, pindaan Akta 355, Akta Mahkamah Syariah (bidang kuasa jenayah)*

PENGENALAN

Dalam hal undang-undang jenayah Islam, bidang kuasa mahkamah syariah adalah tertakluk kepada kesalahan-kesalahan terhadap perintah agama Islam dan hanya terpakai ke atas orang Islam sahaja. Penubuhan mahkamah syariah adalah berdasarkan kuasa-kuasa negeri yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan dalam Jadual Kesembilan, Senarai II, butiran 1 yang membawa maksud mahkamah syariah berada dalam bidang kuasa negeri semata-mata dan boleh ditentukan kedudukannya dalam batas-batas kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan oleh negeri-negeri berkenaan tanpa terikat kepada negeri-negeri lain. Dalam pelaksanaan bidang kuasa jenayah Islam, mahkamah syariah hanya mempunyai bidang kuasa terhad, untuk mendengar dan memutuskan kes jenayah syariah yang melibatkan kesalahan yang boleh dihukum penjara tiga tahun, denda tidak melebihi RM 5000, tidak

melebihi enam sebatan atau gabungan mana-mana hukuman tersebut (Zubaidah, 2017). Akta 355 atau Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) merupakan suatu akta untuk memberi bidang kuasa kepada mahkamah syariah yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang Negeri bagi maksud membicarakan kesalahan-kesalahan di bawah hukum syarak (Shamrahayu Aziz, 2016). Pada tahun 2016, cadangan pindaan untuk menambahkan kadar hukuman telah dicadangkan. Rang Undang-undang 355 ini adalah bertujuan untuk meningkatkan bidang kuasa penghukuman mahkamah syariah bagi kesalahan jenayah syariah daripada penjara tidak melebihi tiga tahun kepada penjara tidak melebihi 30 tahun, denda tidak melebihi lima ribu ringgit kepada denda tidak melebihi 100 ribu ringgit dan sebatan tidak melebihi enam kali kepada sebatan tidak melebihi 100 kali (Aziz, 2017). Jika pindaan ini berjaya dilaksanakan, maka sekurang-kurangnya bidang kuasa jenayah syariah dapat dipertingkatkan dengan penyediaan hukumannya yang hampir menyamai dengan bidang kuasa jenayah di Mahkamah Sesyen (Yusof, 2017).

METODOLOGI

Jenis kajian ini ialah penyelidikan kuantitatif. Pengumpulan data diperoleh menerusi kajian tinjauan (*survey*). Data diperolehi melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada responden sebagai kajian sampel daripada orang awam yang beragama Islam di sekitar Gombak, Selangor. Kajian ini dijalankan bagi menganalisis tahap kefahaman masyarakat di daerah Gombak, Selangor terhadap Cadangan Pindaan Akta 355. Soalan-soalan dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu bahagian A mengenai demografi responden, bahagian B iaitu tahap kefahaman masyarakat terhadap bidang kuasa jenayah syariah dan bahagian C iaitu tahap kefahaman masyarakat terhadap pindaan Rang Undang-undang 355. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah melalui instrumen soal selidik dengan menggunakan Skala Likert lima mata (sangat setuju, setuju, tidak pasti, sangat tidak setuju, tidak setuju). Instrumen soal selidik telah diedarkan melalui aplikasi dalam talian secara *Google Form* kepada masyarakat Islam di daerah Gombak dengan kadar maklum balas sebanyak 53 orang. Data-data dianalisis dengan menggunakan bantuan perisian SPSS 25.0. Data dianalisis secara deskriptif dengan melibatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi menentukan tahap kefahaman responden.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Jadual 1: Rumusan demografi responden

Ciri-ciri demografi		Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	16	30.2
	Perempuan	37	69.8
Umur	< 21 tahun	1	1.9
	21 – 30 tahun	15	28.3
	31 – 40 tahun	5	9.4
	41 – 50 tahun	19	35.8
	> 50 tahun	13	24.5
Tahap pendidikan	SPM	4	7.5
	STPM	1	1.9
	Diploma	15	28.3
	Ijazah	25	47.2
	Sarjana	7	13.2
	PhD	1	1.9
Jenis pekerjaan	Awam	14	26.4
	Swasta	17	32.1
	Pelajar	7	13.2
	Pesara	6	11.3
	Lain-lain	9	17.0

Sumber: Borang soal selidik

Berdasarkan jadual di atas, secara kesimpulannya, majoriti responden ialah perempuan iaitu sebanyak 69.8% dengan jumlah 37 berbanding dengan responden lelaki adalah sebanyak 30.2% dengan jumlah seramai 16 orang. Majoriti responden adalah berumur di dalam lingkungan 41 hingga 50 tahun (35.8%), berpendidikan Ijazah (47.2%), jenis pekerjaan pula majoritinya ialah daripada sektor swasta (32.1%).

Tahap Kefahaman Masyarakat Terhadap Bidang Kuasa Jenayah Syariah

Bahagian ini membincangkan hasil dapatan kajian mengenai 10 item-item yang dimasukkan dalam Bahagian B soal selidik ini dan diedarkan kepada 53 responden dalam kalangan masyarakat Islam di Gombak, Selangor. 10 item-item tersebut adalah merangkumi pernyataan berkaitan tahap kefahaman responden mengenai bidang kuasa jenayah syariah.

Jadual 2 berikut merupakan dapatan keseluruhan bagi aspek tahap kefahaman terhadap bidang kuasa jenayah syariah. Secara keseluruhannya aspek bahagian ini berada pada tahap **tinggi** dengan nilai min sebanyak **3.8208**.

Jadual 2: Dapatan Keseluruhan Tahap Kefahaman Terhadap Bidang Kuasa Jenayah Syariah

Statistik Deskriptif			
	N	Min	Sisihan Piawai Interpretasi Min
Bahagian B	53	3.8208	.54539 Tinggi

Sumber: Borang soal selidik

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Tahap Pengetahuan Terhadap Bidang Kuasa Jenayah Syariah; n = 53

Pernyataan/Item	Skala							Tahap MIN
	STS	TS	TP	S	SS	MIN	SP	
B1. Undang-undang jenayah syariah sudah wujud sejak zaman Kesultanan Melayu lagi.	3.8 (2)	5.7 (3)	17.0 (9)	47.2 (25)	26.4 (14)	3.87	1.001	Tinggi
B2. Penubuhan mahkamah syariah adalah berdasarkan kuasa-kuasa negeri yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan.	0	0	11.3 (6)	58.8 (31)	30.2 (16)	4.19	.622	Tinggi
B3. Setiap negeri di Malaysia mempunyai undang-undang jenayah syariah yang tersendiri.	1.9 (1)	15.1 (8)	18.9 (10)	39.6 (10)	24.5 (13)	3.70	1.067	Tinggi
B4. Mahkamah syariah mempunyai bidang kuasa undang-undang berkaitan dengan jenayah syariah.	1.9 (1)	0	9.4 (5)	50.9 (27)	37.7 (20)	4.23	.776	Tinggi
B5. Bidang kuasa mahkamah syariah adalah sempit dan terhad.	11.3 (6)	22.6 (12)	15.1 (8)	35.8 (19)	15.1 (8)	3.21	1.276	Sederhana
B6. Bidang kuasa jenayah syariah tertakluk kepada orang Islam sahaja.	5.7 (3)	5.7 (3)	3.8 (2)	56.6 (30)	28.3 (15)	3.96	1.037	Tinggi
B7. Mahkamah syariah tertakluk kepada undang-undang Persekutuan dalam menjalankan bidang kuasa hukuman.	5.7 (3)	11.3 (6)	26.4 (14)	45.3 (24)	11.3 (6)	3.45	1.030	Sederhana
B8. Akta 355 atau Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984)	0	1.9	26.4	49.1	22.6	3.92	.756	Tinggi

bertujuan memberi bidang kuasa hukuman kepada mahkamah syariah berkaitan dengan jenayah syariah.	(1)	(14)	(26)	(12)				
B9. Akta 355 mempunyai bidang kuasa hukuman jenayah syariah iaitu denda tidak melebihi RM 5000.00 sahaja atau 3 tahun penjara atau rotan tidak melebihi enam kali sebatan.	0	3.8 (2)	52.8 (28)	28.3 (15)	15.1 (8)	3.55	.798	Sederhana
B10. Kesalahan jenayah syariah adalah seperti ajaran sesat, khalwat dan lain-lain.	0	0	17.0 (9)	52.8 (28)	30.2 (16)	4.13	.680	Tinggi

1 Sangat Tidak Setuju (STS) | 2 Tidak Setuju (TS) | 3 Tidak Pasti (TP) | 4 Setuju (S) | 5 Sangat Setuju (SS)

Jadual 3 menunjukkan taburan kekerapan responden bagi tahap kefahaman terhadap bidang kuasa jenayah syariah. Hasil kajian mendapati 10 item berada pada tahap kekerapan tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat mempunyai tahap kefahaman yang tinggi terhadap bidang kuasa jenayah syariah di Malaysia.

Tahap Kefahaman Masyarakat Terhadap Pindaan Rang Undang-Undang 355

Bahagian ini pula mengemukakan dapatan kajian bagi 10 item yang dimasukkan dalam soal selidik Bahagian C bagi mendapatkan tahap kefahaman responden mengenai pindaan Rang Undang-undang 355.

Jadual 3 berikut merupakan dapatan keseluruhan bagi aspek kefahaman masyarakat mengenai pindaan Rang Undang-undang 355. Secara keseluruhannya aspek bahagian ini berada pada tahap **tinggi** dengan nilai min sebanyak **3.9660**.

Jadual 4: Dapatan Keseluruhan Tahap Kefahaman Masyarakat Terhadap Pindaan Rang Undang-undang 355

	Statistik Deskriptif			
	N	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
Bahagian C	53	3.9660	.64598	Tinggi

Sumber: Borang soal selidik

Jadual 5: Taburan Responden Mengikut Kefahaman Terhadap Pindaan Rang Undang-undang 355; n = 53

Pernyataan/Item	Skala							Tahap MIN
	STS	TS	TP	S	SS	MIN	SP	
C1. Rang Undang-undang 355 diusulkan pada tahun 2016 oleh Ahli Parlimen Marang, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.	0	0	37.7 (20)	32.1 (17)	30.2 (16)	3.92	.829	Tinggi
C2. Rang Undang-undang 355 bertujuan meningkatkan kadar hukuman kepada penjara tidak melebihi 30 tahun, denda tidak melebihi RM 100,000 dan sebatan tidak melebihi 100 kali.	0	0	49.1 (26)	24.5 (13)	26.4 (14)	3.77	.847	Tinggi
C3. Rang Undang-undang 355 diusulkan atas sebab bidang kuasa jenayah syariah sedia ada yang terlalu sempit dan terhad.	1.9 (1)	3.8 (2)	28.3 (15)	37.7 (20)	28.3 (15)	3.87	.941	Tinggi
C4. Cadangan pindaan Rang Undang-undang 355 adalah tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.	0	1.9 (1)	28.3 (15)	39.6 (21)	30.2 (16)	3.98	.820	Tinggi
C5. Cadangan pindaan Rang Undang-undang 355 adalah inisiatif untuk mengurangkan bilangan jenayah syariah di Malaysia.	0	3.8 (2)	26.4 (14)	28.3 (15)	41.5 (22)	4.08	.917	Tinggi
C6. Cadangan pindaan Rang Undang-undang 355 adalah relevan dengan tuntutan syarak.	0	0	24.5 (13)	37.7 (20)	37.7 (20)	4.13	.785	Tinggi
C7. Cadangan pindaan ini tidak mengubah bidang kuasa Dewan Perundangan Negeri berkaitan jenis-jenis kesalahan yang boleh dibuat.	0	0	35.8 (19)	37.7 (20)	26.4 (14)	3.91	.791	Tinggi
C8. Cadangan pindaan ini hanya untuk	0	1.9	32.1	35.8	30.2	3.94	.842	Tinggi

meningkatkan tahap hukuman sahaja dan bukan hukuman mati.	(1)	(17)	(19)	(16)				
C9. Pindaan ini dicadangkan untuk meningkatkan bidang kuasa Dewan Perundangan Negeri untuk berikan bidang kuasa hukuman lebih tinggi.	0	0	34.0 (18)	41.5 (22)	24.5 (13)	3.91	.766	Tinggi
C10. Sekiranya pindaan ini diluluskan, pindaan ini boleh diterima pakai di seluruh negeri di Malaysia.	0	0	18.9 (10)	47.2 (25)	34.0 (18)	4.15	.718	Tinggi

1 Sangat Tidak Setuju (STS) | 2 Tidak Setuju (TS) | 3 Tidak Pasti (TP) | 4 Setuju (S) | 5 Sangat Setuju (SS)

Jadual 5 menunjukkan taburan kekerapan responden bagi aspek kefahaman mengenai pindaan Rang Undang-undang 355. Hasil kajian mendapati kesemua item berada pada tahap kekerapan tinggi.

PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan secara terperinci hasil dapatan kajian yang telah dilaksanakan dengan memberi ulasan tentang keputusan analisis bagi setiap instrumen kajian yang telah digunakan selama kajian ini dijalankan. Bahagian ini berpandukan kepada objektif yang ketiga iaitu untuk menganalisis hubungan antara demografi responden iaitu tahap pendidikan dan jenis pekerjaan dengan tahap kefahaman responden terhadap pindaan Rang Undang-undang 355 iaitu instrumen soal selidik dalam Bahagian C.

Tahap pendidikan

Terdapat 6 tahap pendidikan yang telah disediakan dalam borang soal selidik iaitu SPM, STPM, diploma, ijazah, sarjana dan PhD.

Berdasarkan analisis data dalam Bahagian C secara keseluruhannya, responden yang mempunyai tahap pendidikan iaitu SPM majoritinya memilih jawapan tidak pasti terhadap item-item pindaan Rang Undang-undang 355. Hal ini mungkin disebabkan mereka masih belum didedahkan dengan perkara ini. Bagi responden yang mempunyai pendidikan STPM majoritinya memilih jawapan tidak pasti dan bersetuju terhadap item-item yang disediakan dalam pindaan Rang Undang-undang 355. Maka, dapat dilihat bahawa mereka sedikit sebanyak telah didedahkan tentang perkara ini. Bagi responden yang berpendidikan diploma pula majoritinya memilih jawapan setuju terhadap item-item yang disediakan dalam pindaan Rang Undang-undang 355. Terdapat peningkatan tahap kefahaman mereka berkaitan dengan

perkara ini yang mungkin disebabkan oleh pembelajaran di tahap diploma yang telah mempelajari asas dalam perundangan di Malaysia.

Tahap pendidikan yang seterusnya iaitu di peringkat ijazah, responden kebanyakannya memilih jawapan setuju terhadap item-item dalam Bahagian C. Sama seperti pada peringkat diploma, peringkat ijazah juga telah didedahkan berkaitan asas perundangan di Malaysia bahkan mungkin lebih mendalam. Bagi peringkat sarjana dan PhD, dua peringkat ini telah memilih jawapan setuju dan sangat setuju. Hal ini disebabkan pada peringkat ini telah didedahkan dengan lebih banyak maklumat berkaitan perkara ini melalui penulisan dan pembacaan bahan ilmiah yang diperlukan dalam pelaksanaan sarjana dan PhD.

Jenis pekerjaan

Dalam borang soal selidik yang disediakan mengandungi 5 jenis pekerjaan antaranya ialah dalam sektor awam, swasta, pelajar, pesara dan lain-lain seperti suri rumah.

Bagi responden yang bekerja dalam sektor awam, sebahagian daripada soalan dijawab dengan setuju dan sebahagian lagi soalan dijawab dengan tidak pasti. Hal ini demikian kerana responden yang bekerja dalam sektor awam tidak sepenuhnya mengetahui berkaitan pindaan Rang Undang-undang 355. Seterusnya, seperti sektor awam, sektor swasta juga memiliki jawapan yang lebih kurang sama iaitu tidak pasti dan setuju. Tetapi terdapat sebahagian daripadanya juga memilih jawapan sangat setuju. Kategori seterusnya iaitu pelajar mempunyai majoriti jawapan setuju dan sangat setuju. Dapat dilihat bahawa pelajar adalah individu yang sangat dekat dengan penggunaan media sosial dan generasi yang sering terdedah dengan isu-isu semasa. Lebih-lebih lagi isu berkaitan pindaan Rang Undang-undang 355 juga merupakan perkara yang hangat diperkatakan di akhbar dan berita dalam talian. Maka, kategori ini lebih cakna dan ambil peduli terhadap perkara ini.

Selain itu, bagi kategori pesara pula majoritinya memilih jawapan setuju terhadap item-item berkenaan pindaan Rang Undang-undang 355. Hal ini berkemungkinan disebabkan responden dalam kategori ini lebih banyak masa untuk mendalami perkara berkaitan pindaan Rang Undang-undang 355. Bagi kategori lain-lain, ia termasuklah seperti responden yang merupakan seorang suri rumah dan responden yang tidak mempunyai pekerjaan. Kategori ini kebanyakannya menjawab tidak pasti terhadap pindaan Rang Undang-undang 355. Hal ini mungkin disebabkan tidak mempunyai masa atau tidak berminat untuk mendalami perkara berkaitan pindaan Rang Undang-undang 355.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, masyarakat Islam di daerah Gombak mempunyai tahap kefahaman yang tinggi terhadap bidang kuasa jenayah syariah dan pindaan Rang Undang-undang 355 dengan min keseluruhan bagi Bahagian B iaitu 3.82 dan Bahagian C iaitu 3.96. Ini dapat diperhatikan melalui data yang diterima daripada soal selidik yang diberikan kepada responden. Dalam bab perbincangan pula, telah dibahaskan hubungkait antara demografi responden iaitu tahap pendidikan dan jenis pekerjaan dengan tahap kefahaman responden terhadap bidang kuasa jenayah mahkamah syariah dan tahap kefahaman responden terhadap pindaan Rang Undang-undang 355.

RUJUKAN

- A. Aziz, S. (2016). *Cadangan Rang Undang-undang Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2016: Satu Pandangan dari Aspek Perundangan*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Aziz, S. A. (2017). Pindaan Akta 355: Antara Harapan dan Realiti. *Seminar Kebangsaan Mahkamah Syariah 2017- 60 Tahun Pasca Kemerdekaan: "Menelusuri Cabaran, Melestari Masa Hadapan"* [Slaid Powerpoint]. Unpublished Manuscript. Retrieved from https://www.academia.edu/31017003/cadangan_rang_undang-undang_akta_mahkamah_syariah_bidang_kuasa_jenayah_pindaan_2016_satu_pandangan_dari_aspek_perundangan
- Ismail, S. Z. (2017). *Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*. Universiti Malaya.
- Yusof, M. F. (2017). Pindaan RUU 355 Selari Kehendak al-Quran, Sejajar Perkembangan Masa. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2017/04/270308/pindaan-ruu-355-selari-kehendak-al-quran-sejajar-perkembangan-masa>